

Alam Wanita

Soal Berbilang Isteri dalam Islam

(4)

Masalah isteri nusyuz (ingkar), yang kadang-kadang “digantung tidak bertali”, masalah beristeri lebih dari satu atau “poligami”, dan masalah talak, selalu menjadi perbincangan masyarakat.

Masalah-masalah ini telah dihuraikan Dr. Ali Abdul Wahid Wafi, Mesir, dalam bukunya “*Bayt al-tā’ah wa ta’addud al-zawjāt, wa al-talāq fī al-Islām*”. Huraian yang berharga ini kita siarkan di sini dengan harapan menjadi penerangan yang berguna tentang kedudukan masalah-masalah itu yang sebenarnya.

Dalam tiga bilangan yang lalu, telah dihuraikan satu persatu tentang masalah yang pertama (soal isteri nusyuz), dan sekarang, pengarangnya, menghuraikan masalah yang kedua – soal berbilang isteri dalam Islam.

(Diterjemahkan oleh Abdullah Basmeh)

Islam telah mengharuskan bagi seseorang lelaki berkahwin dengan lebih daripada seorang isteri, asalkan jumlah isteri-isteri itu tidak lebih daripada empat orang, dan dengan syarat ia berkemampuan memberi nafkah kepada mereka dan berlaku adil terhadap mereka dalam segala perkara yang berupa kebendaan yang dapat dilakukan keadilan di dalamnya, seperti makan minum, pakaian dan tempat tinggal serta giliran malam. Jika ia takut bahawa ia tidak sanggup atas yang demikian, hendaklah ia berpada dengan seorang isteri sahaja.

Hukum ini telah sabit dengan ketetapan al-Qur’an, hadith dan ijmak.

Dalilnya dalam Qur’an ialah firman Allah Ta’ālā:

Wa in khiftum allā tuqsiṭū fī al-yatāmā fa inkihū mā ṭāba lakum min al-nisā’i mathnā wa thulātha wa rubā’, fa in khiftum allā ta’dilū fa wāḥidatan, aw mā malakat aymānukum, dhālika adnā allā ta’ūlū. (3, Sūrat al-Nisā’).

Ertinya: “Dan jika kamu takut, bahawa kamu tidak akan sanggup berlaku adil tentang beristerikan anak-anak yatim, maka berkahwinlah dengan perempuan-perempuan yang kamu sukai: dua, tiga dan empat, tetapi jika kamu takut bahawa kamu tidak akan sanggup berlaku adil juga, maka berkahwinlah seorang sahaja, atau pakailah hamba-hamba perempuan yang kamu miliki. Yang demikian itu, lebih hampir supaya kamu terhindar daripada melakukan aniaya.”

Makna ayat suci ini dengan lebih lanjut ialah:

Jika kamu takut apabila kamu beristerikan perempuan-perempuan anak yatim yang kamu pelihara, akan bercampur harta kamu dengan harta mereka, dan kejadian itu akan menarik kamu kepada berlaku aniaya atas mereka dalam hak-hak mereka, maka tinggalkanlah mereka dan berkahwinlah dengan perempuan-perempuan yang lain untuk menjauhkan diri daripada perkara yang terlarang itu (menganiayakan anak-anak yatim yang tersebut) dan untuk menghindarkan kamu daripada perkara-perkara syubhah, kerana Allah telah memberi kemudahan dengan menghalalkan kamu beristerikan perempuan-perempuan sebanyak dua, atau tiga, ataupun empat orang, selagi kamu sanggup memberikan nafkah mereka dan berlaku adil terhadap mereka. Kalau pula kamu takut, bahawa kamu tidak akan sanggup atas yang demikian itu, maka hendaklah kamu berpada dengan seorang isteri sahaja, atau berpada dengan memakai gundik – hamba-hamba perempuan yang kamu miliki (*) kerana cara yang demikian akan menjauhkan kamu daripada berlaku aniaya.

Dalilnya di dalam hadith:

Dalilnya di dalam *al-Sunnah* pula ialah apa yang telah dilakukan oleh Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa ‘ālihi wa sallam* bersama-sama dengan orang-orang yang telah memeluk Islam yang sedang beristeri lebih daripada empat orang, dan di dalam pengakuan Nabi membenarkan perbuatan sahabat-sahabat *raḍīya Allāhu ‘anhum* beristeri lebih daripada satu.

Di dalam hadith ada disebutkan:

‘An Qaysi bin al-Hārithi qāla: “Aslamtu wa ‘indī thamāni niswatin, fa ataytu al-nabiyya ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam

fa dhakartu lahu dhālik. Fa qāla: Ikhtar minhunna arba ‘ā”

(*Rawāhu* Abu Dāwud wa Ibn Mājah).

Ertinya: Daripada Qays bin al-Hārith, katanya: “Aku telah memeluk Islam sedang aku mempunyai delapan isteri, aku pun pergi mendapatkan Nabi *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*, lalu aku nyatakan perkara itu kepadanya. Baginda bersabda: Pilihlah empat orang daripda mereka.”

Satu hadith lagi:

Wa ‘an ‘Abd Allāhi bin ‘Umar qāla: “Aslama Ghilān al-Thaqafi wa tahtahu ‘ashru niswatin fi al-jāhiliyyati fa aslamna ma ‘ahu, fa amarahu al-nabiyyu ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam an yakhtāra minhunna arba ‘ā.” (*Rawāhu* Aḥmad wa al-Tirmidhī wa Ibn Mājah).

Ertinya: Dan daripada ‘Abd Allāh bin ‘Umar, katanya: “Ghilān al-Thaqafi telah memeluk Islam sedang ia mempunyai sepuluh isteri dalam jahiliah lalu mereka memeluk Islam bersama-sama dengannya, Nabi (S.A.W.) pun memerintahkan dia supaya memilih empat orang daripada mereka.”

Satu hadith lagi:

Wa ‘an Nawfal bin Mu‘āwiyah qāla: “Aslamtu wa tahtī khamsu niswah, fa sa’altu al-Nabiyya ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam fa qāla: Fāriq waḥīdatan wa amsik arba ‘ā.” (*Rawāhu* al-Shāfi‘ī wa al-Bayhaqī).

Ertinya: Dan daripada Nawfal bin Mu‘āwiyah, katanya: aku telah memeluk Islam sedang isteri-isteriku sebanyak lima orang, aku pun bertanya kepada Nabi *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*, iapun bersabda: Ceraikan seorang dan peganglah empat.”

Demikian juga kebanyakan sahabat-sahabat dalam zaman Nabi, *‘alayhi al-ṣalātu al-salām*, masing-masing beristeri lebih dari satu, dan Rasulullah telah membenarkan mereka berbilang-bilang isteri. Rasulullah tidak menyalahkan mereka

(*) Soal gundik akan dihuraikan kelak apabila sampai kepada “babnya” dalam bahagian akhir.

dan mereka pula tidak beristeri lebih daripada bilangan tempat orang isteri sebagaimana yang terkandung dalam nas ayat suci itu, mereka juga menjalankan keadilan di antara isteri-isteri sebagaimana yang ditetapkan oleh syarak. Penetapan Rasulullah (pengakuannya membenarkan) sesuatu perkara adalah menjadi salah satu bahagian daripada ((*al-Sunnah*)) yang menjadi salah satu usul daripada usul-usul syarak.

Ketetapan ijmak:

Adapun ijmak maka sahabat-sahabat dan *tābi‘īn* serta alim ulama Islam dalam segala zaman telah sekata mengharuskan berbilang-bilang isteri dengan syarat-syarat yang telah kita sebutkan di atas tadi.

Peraturan berbilang-bilang isteri, banyak sebab-sebab yang membolehkannya, dan yang utama sekali di antaranya ialah tiga perkara: pertama berdasarkan keadaan tabii, kedua berdasarkan keadaan masyarakat, ketiga berdasarkan keadaan darurat yang kadang-kadang timbul dalam kehidupan perkelaminan.

1 – Sebab yang berdasarkan keadaan tabii dapat dilihat pada undang-undang yang menguasai jenis manusia dalam perkara yang berhubung antara lelaki dengan perempuan.

Di antara perkara yang tetap dalam penyelidikan “Demografi” (ilmu banci penduduk dunia) bahawa kaum lelaki menurut keadaan tabii lebih banyak yang mati dalam masa lahirnya dan dalam masa kanak-kanak, sebagaimana yang terbukti dalam banci-banci yang khas tentang kematian kanak-kanak dalam kalangan segala bangsa di dunia, dan bahawa keadaan ini menjadikan bilangan kanak-kanak lelaki yang tinggal hidup sehingga akhir peringkat masa kanak-kanak, jauh kurang daripada jumlah bilangan kanak-kanak perempuan dalam peringkat masa yang tersebut dalam kalangan kebanyakan umat-umat manusia; dan bahawa kejadian ini berlaku dalam kalangan bangsa-bangsa

yang banyak bilangan kanak-kanak lelakinya yang dilahirkan daripada kanak-kanak perempuan. Meski pun kanak-kanak lelaki yang dilahirkan dalam kalangan bangsa-bangsa Eropah (di negeri-negeri Eropah) dan setengah daripada lain-lain bangsa (di negeri-negeri yang lain) melebihi bilangannya daripada kanak-kanak perempuan, dengan kelebihan kira-kira 5 atau 6 peratus, maka jumlah kanak-kanak lelaki yang masih tinggal hidup hingga peringkat akhir masa kanak-kanak jauh kurang daripada jumlah bilangan kanak-kanak perempuan yang masih tinggal hidup dalam kalangan bangsa-bangsa yang tersebut. Ini ialah natijah bagi apa yang telah kita sebutkan bahawa kanak-kanak lelaki menurut keadaan tabiinya lebih banyak terdedah kepada kematian daripada kanak-kanak perempuan, dalam masa lahir.

2 – Adapun sebab-sebab yang berdasarkan keadaan masyarakat yang am, maka yang terutama daripadanya adalah terhimpun kepada dua perkara:

Pertama – Bahawa segala tanggungan hidup dalam masyarakat dan pembahagian-pembahagian kerja di antara kedua-dua jenis (lelaki dan perempuan) menjadikan kaum lelaki banyak yang mati berbanding dengan kaum perempuan, dan lebih pendek umur mereka daripada kaum perempuan. Yang demikian itu ialah kerana kedudukan dan keadaan dalam masyarakat membebankan tanggungan yang besar atas kaum lelaki dalam perkara-perkara perang dan perjuangan hidup serta pencarian sara hidup. Dengan itu kaum lelaki lebih banyak terdedah kepada perkara-perkara yang berbahaya daripada apa yang dihadapi oleh kaum perempuan. Buktinya ialah anak-anak muda daripada kaum lelaki yang terbunuh dalam Perang Dunia yang kedua telah mencapai angka kira-kira dua puluh juta, sedang kaum perempuan yang telah terbunuh disebabkan perkara-perkara yang berhubung dengan urusan perang hanya beberapa ribu sahaja.

Segala perkara tersebut menjadikan bilangan kaum

perempuan melebihi daripada jumlah bilangan kaum lelaki dalam kalangan kebanyakan bangsa-bangsa yang bertamadun zaman ini.

Kalau ini benar berlakunya dalam kalangan bangsa-bangsa yang bertamadun, maka ia lebih benar lagi dalam kalangan bangsa-bangsa yang masih hidup secara liar dan umat-umat yang tidak bertamadun, kerana kekurangan jalan-jalan dan benda-benda yang dapat dijadikan perlindungan dan rawatan, dan kerana banyak pula peluang-peluang yang menimbulkan perbalahan dan peperangan, dan bertambahnya tekanan perjuangan untuk hidup, dan juga disebabkan berkuasanya undang-undang rimba (undang-undang yang bermaharajalela secara liar), sedang tanggungan yang besar dan kerugian yang besar dalam segala yang tersebut itu tertimpa di atas kaum lelaki. Ini bukan semata-mata satu pendapat

akal fikiran, tetapi bersesuaian dengan apa yang telah ditetapkan (dan diakui) oleh banyak ahli-ahli penyelidik yang dipercayai, yang telah mengambil berat terhadap jenis banci yang sedemikian ini dalam kalangan bangsa-bangsa yang masih hidup secara liar. Penyelidikan-penyelidikan mereka telah membuktikan bahawa bilangan kaum perempuan melebihi bilangan kaum lelaki dalam kalangan segala suku bangsa Indian Merah di Amerika dan dalam kalangan kebanyakan suku-suku bangsa yang lain, terutama suku-suku bangsa yang banyak berlaku peperangan dalam kalangannya.

Kedua – Seseorang lelaki tidak akan sanggup berkahwin menurut peraturan-peraturan masyarakat melainkan apabila ia sanggup memberi nafkah isteri, keluarga dan rumah tangganya menurut taraf yang layak bagi lapisan

Aisyah : al-Şadiqah binti al-Şiddiq

Riwayat hidup Sīti ‘Ā’ishah *Umm al-Mu’minīn* ialah suatu riwayat yang indah dan menarik, buah kalam pujangga Arab yang terkenal, Abbas Mahmud al-Aqad.

Buku yang berharga ini menggambarkan sifat isteri Rasulullah yang menjadi contoh utama sebagai seorang guru, sebagai seorang pendidik, sebagai seorang isteri yang setia, dan sebagai seorang ratu “rumah tangga” dalam erti kata yang sebenar-benarnya.

Sangat penting dibaca oleh segala peringkat, terutama oleh wanita-wanita Islam.

2 penggal tamat. Harga sepenggal \$1.00 sahaja, belanja mengirimnya 10 sen.

Pesanlah kepada penerbitnya:

Qalam, Singapura

(Terjemahan: Abdullah Basmeh)



masyarakatnya, kerana adat telah berjalan (dipakai) dan undang-undang telah tetap digunakan dalam kalangan segala umat manusia bahawa kesemua atau kebanyakan beban-beban yang tersebut adalah ditanggung oleh kaum lelaki. Oleh itu, kita melihat ada di antara kaum lelaki yang tidak sanggup berkahwin sepanjang hidupnya, dan ada di antara mereka yang berkekalan tidak sanggup berkahwin sehingga lewat umurnya, kerap kali sampai kepada had umur tiga puluh tahun atau hampir-hampir kepadanya, bahkan kadang-kadang melampaui had umur yang tersebut. Bahagian ini meliputi separuh daripada jumlah kaum lelaki dalam kalangan kebanyakan bangsa-bangsa dunia. Sebaliknya tiap-tiap seorang anak gadis akan layak berkahwin dan sanggup menempuh perkahwinan sebaik-baik sahaja ia penuh baligh. Natijah tabii yang melazimi keadaan ini ialah jumlah bilangan orang-orang yang sanggup berkahwin dari kalangan kaum lelaki jauh kurang daripada jumlah bilangan kaum perempuan yang layak berkahwin. Natijah ini berlaku dalam kalangan segala bangsa dan di dalam berbagai-bagai keadaan, sehingga kepada keadaan yang di dalamnya jumlah bilangan kaum lelaki bersamaan banyaknya dengan jumlah bilangan kaum perempuan.

3 – Adapun perkara-perkara darurat yang tertentu, maka ia meliputi kejadian-kejadian yang kadang-kadang menimpa kehidupan perkelaminan, dan menjadikan perbuatan beristeri lebih itu tidak dapat dielakkan. Adakalanya si isteri itu mandul dari semula jadinya, atau menjadi mandul sesudah ia berkahwin. Oleh itu, dalam kedua-dua keadaan yang seperti ini tidak terlaksana tujuan yang utama sekali daripada tujuan-tujuan perkahwinan. Adakalanya si isteri itu ditimpa penyakit atau rosak fikirannya maka dengan itu ia tidak dapat memenuhi tugasnya

sebagai seorang isteri. Dalam hal-hal yang seperti ini, dan banyak hal-hal yang lain yang seperti itu menjadikan perbuatan si suami beristeri lagi adalah satu perkara yang tak dapat dielakkan untuk ketenteraman perkelaminan, dan untuk melaksanakan tujuan kemakmuran (zuriat) dari perkahwinan, dan juga untuk menjauhkan diri daripada jatuh ke dalam perbuatan yang keji. Dalam hal-hal seperti ini, kerap kali kedudukan si isteri tinggal kekal di tangan suaminya, lebih baik dan lebih mulia baginya daripada diceraikan oleh suaminya, kerana talaknya harus akan mendedahkan dia kepada kerumitan-kerumitan hidup yang banyak dan akan menjatuhkan sebahagian besar dari kehormatan dan kedudukannya dalam masyarakat. Lebih-lebih lagi apabila kita fikirkan bahawa orang yang seperti si isteri (yang uzur) itu tidak berkehendak lagi kepada berkahwin, kerana sebab-sebab yang tersebut yang telah mendesak si suami beristerikan seorang lagi.

* * *

Tak payah dijelaskan tentang bahawa kedudukan ini tidak sesuai sama sekali dengan peraturan memakai isteri yang tunggal, kerana perbuatan menggunakan terus peraturan ini, dengan wujudnya hal-hal yang kita sebutkan tadi, menjadikan kaum perempuan – dalam kalangan segala bangsa jika tidak kesemuanya sekali – berkekalan janda sepanjang hidup, dan menutup jalan kehidupan yang sempurna kepada mereka. Tidak berselindung tentang rosaknya perseimbangan di antara dua jenis (lelaki dan perempuan) yang akan timbul daripada kejadian itu, yang juga akan mengukur-kacirkan kehidupan masyarakat, membanayakan pelacuran

dan maksiat, mengembangkan perbuatan menggunakan perempuan-perempuan simpanan, mendesak kebanyakan perempuan menjerumuskan diri ke dalam perbuatan yang keji untuk mencari sara hidup dan memuaskan hawa nafsu, membanyakkan anak-anak yang di luar nikah, mengecilkan jumlah zuriat, menyebarkan penyakit, menyeludupkan perkara-perkara yang menyebabkan kelumpuhan dan tingkah laku yang liar, kepada umat manusia sendiri.

Semuanya ini telah pun berlaku dalam kalangan kebanyakan bangsa-bangsa Barat yang menurut peraturan beristeri seorang sahaja. Di negeri Perancis misalnya, jumlah anak-anak zina atau yang dinamakan oleh mereka di sana dengan nama: ((anak-anak secara semula jadi)) (seolah-olah anak-anak halal menurut pandangan mereka bukan anak-anak secara semulajadi!!) telah meningkat jumlahnya pada kebanyakan bandar-bandar dalam masa di antara dua peperangan dunia yang akhir-akhir ini, sebanyak hampir-hampir lima puluh peratus daripada jumlah kanak-kanak yang dilahirkan di sana. Demikian juga dalam peringkat masa yang tersebut, jumlah perempuan-perempuan lacur yang rasmi dan yang tidak rasmi di kebanyakan bandar-bandar yang telah meningkat kepada jumlah yang besar. Selain daripada itu, orang-orang yang dihinggapi oleh penyakit jahat (sakit perempuan) kira-kira tujuh puluh peratus daripada seluruh penduduk (bandar-bandar Perancis itu) yang sudah baligh. Selain daripada itu telah berkembang pula dalam kalangan bangsa-bangsa Barat perbuatan: si suami menaruh perempuan simpanan, dan si isteri pula menaruh lelaki simpanan. Suami-suami dan isteri-isteri masing-masing telah meninggalkan rumah tangga. Suami-suami telah melarikan diri bersama-sama dengan kekasih-kekasih mereka, dan XXX¹ isteri-isteri telah melarikan diri bersama-sama

dengan kekasih-kekasih mereka. Segala kejadian ini telah menjadi perkara biasa di negeri-negeri Eropah dan Amerika, dan dengan itu ((keluarga)) telah menjadi satu benda yang tidak ada harganya, dan perhubungan nasab keturunan yang benar di antara bapa-bapa dengan anak-anak telah menjadi tempat syak dan mangsa ragu-ragu.

Kejadian-kejadian yang besar telah mengejutkan ahli-ahli fikir

Bacalah!

Florinda Puteri Sepanyol

Terjemahan: Abdullah Basmeh

“Florinda Puteri

Sepanyol” ialah sebuah cerita

yang indah dan menarik, buah kalam

Jurji Zaydan, pengarang Mesir

yang terkenal.

Ikutilah bagaimana angkatan tentera Islam yang dipimpin oleh pahlawan Islam yang masyhur – Tāriq bin Ziyād, menggempur tentera Sepanyol dan menghancurkan pertahanannya.

Semenjak itu Islam telah mendirikan kerajaan dan tamadun yang tinggi di Semenanjung Sepanyol dan berkekalan menyinari benua Eropah sepanjang masa delapan kurun.

2 penggal tamat. Sepenggal \$1.20

(Naskhah rumi: Sebuah \$3.00)

Pesanlah kepada penerbitnya:

Qalam, Singapura



¹ Perkataan sebenar ialah ‘Di sebaliknya’.

dalam kalangan umat-umat Barat yang beragama Kristian, terutama pemimpin-pemimpin dan penganjur-penganjur yang melancarkan perbaikan masyarakat. Apabila segala jalan yang mereka gunakan dalam lingkungan peraturan Kristian untuk memperbaiki hal ini telah gagal, maka berfikirilah sebahagian besar daripada mereka untuk keluar daripada peraturan Kristian dan mengharuskan berbilang-bilang isteri. Pemimpin-pemimpin negara Jerman sebelum Perang Dunia yang kedua hampir-hampir melaksanakan fikiran itu (dasar berbilang isteri) dan menjadikan dia undang-undang negara.

* * *

Manakala undang-undang tabii dan hal ehwal masyarakat yang am, yang kita sebutkan itu membawa – dalam kalangan kebanyakan umat manusia – kepada bertambahnya bilangan kaum perempuan daripada bilangan kaum lelaki, dan membawa – dalam kalangan segala umat manusia – kepada bertambahnya bilangan perempuan-perempuan yang layak berkahwin daripada bilangan kaum lelaki yang mampu berkahwin, dan manakala perkara-perkara darurat yang tak dapat dielakkan yang kadang-kadang timbul dalam kehidupan kedua suami isteri lalu menjadikan si isteri itu tidak dapat menjalankan tugasnya yang utama sebagai seorang isteri (kerana uzur dan sakit – P), atau menjadikan dia tidak dapat melaksanakan tujuan-tujuan perkahwinan untuk perkembangan zuriat, dan dalam pada itu menjadikan kedudukannya tinggal kekal di tangan suaminya lebih mulia baginya daripada diceraikan, dan lebih dekat kepada menjaga kehormatannya, dan manakala perbuatan menggunakan terus-menerus peraturan beristeri seorang sahaja bersama-sama dengan hal-hal yang

am dan darurat-darurat yang khas membawa langsung kepada bencana-bencana dalam masyarakat yang sangat berbahaya, yang telah disebutkan tadi, dan manakala agama Islam ialah satu agama yang am bagi segala bangsa, dan ia (Islam) mengambil berat atas keselamatan orang-orang perseorangan dan masyarakat dari segala perkara yang membawa kepada bahaya atau membahayakan, maka kerana kesemuanya itu, Islam telah mengharuskan berbilang-bilang isteri dalam lingkungan yang telah dinyatakan oleh al-Qur’ān. Dengan itu, Islam telah melenyapkan kesukaran dan kepayahannya² dalam kehidupan orang perseorangan dan keluarga, dan telah melaksanakan kebajikan am untuk jenis manusia sendiri, serta memberikan kepada masyarakat manusia kemudahan yang membolehkannya melaksanakan perseimbangan di antara kedua jenis (lelaki dan perempuan) itu, dan menjauhkan bahaya yang akan timbul daripada kucar-kacirnya perseimbangan itu.

– Bersambung.

Sudah terbit!

Pengajian

KESAH PELAYARAN

ABDULLAH MUNSHI

di-susun sa-mula oleh:

EDRUS

Harga \$2.50 sa-naskhah

tambah belanja pos (register) 40 sen

Di-chitak dan di-terbitkan oleh:

QALAM,

356/358, GEYLANG ROAD,

SINGAPORE 14.

² Perkataan sebenar ialah ‘kepayahan’.